



Bank Pilihan Anda

BANK RAKYAT SENTUH HATI RAKYAT MALAYSIA DENGAN FILEM PENDEK RAYA 'SUARA HATI'

KUALA LUMPUR, 17 MAC 2026 – Sempena sambutan Aidilfitri tahun ini, Bank Rakyat melancarkan sebuah filem pendek raya istimewa bertajuk 'Suara Hati', sebuah kisah menyentuh hati tentang kasih sayang seorang anak kepada ibunya yang sarat dengan nilai pengorbanan dan keikhlasan.

Filem berdurasi 5 minit 37 saat ini menampilkan lakonan menyentuh emosi daripada Rafique Iskandar sebagai Amin, seorang kanak-kanak lelaki yang tabah menjaga ibunya yang sakit, dilakonkan oleh Nadiya Nisaa. Turut membintangi filem pendek ini ialah Sara Ali dan Firdaus Karim.

Diarahkan oleh Husaini Shohaimi dan diterbitkan oleh Tangerine Films Sdn Bhd, 'Suara Hati' membawa penonton menyelami kehidupan Amin yang menjalani hari-harinya untuk terus berbakti kepada ibunya. Ketabahannya membuktikan bahawa kasih sayang dan tanggungjawab bukan diukur melalui usia, sebaliknya lahir daripada hati yang ikhlas.

Selari dengan mesej filem ini, ia melambangkan komitmen Bank Rakyat yang sentiasa mendengar suara hati, hasrat dan harapan pelanggannya. Sebagai institusi kewangan yang berteraskan nilai kemanusiaan dan kepercayaan, Bank Rakyat terus berusaha memahami keperluan sebenar masyarakat serta menyediakan penyelesaian kewangan yang relevan bagi membantu mereka membina masa depan yang lebih baik.

Menurut Bank Rakyat dalam satu kenyataan, penerbitan filem ini mencerminkan usaha berterusannya untuk berkongsi kisah yang dekat dengan nilai kehidupan masyarakat Malaysia, khususnya dalam semangat Aidilfitri yang menekankan penghargaan terhadap keluarga dan insan tersayang.

"Melalui Suara Hati, kami ingin mengingatkan bahawa di sebalik kesibukan kehidupan, ada insan yang sentiasa mengharap perhatian, kasih sayang dan penghargaan daripada kita. Aidilfitri adalah masa terbaik untuk kita kembali kepada nilai-nilai tersebut," ujar Bank Rakyat.



Bank Pilihan Anda

'Suara Hati' dilancarkan di platform digital rasmi Bank Rakyat termasuk YouTube dan media sosial @mybankrakyat, membolehkan rakyat Malaysia menyaksikan kisah menyentuh jiwa ini bersama keluarga sepanjang musim perayaan.

-TAMAT-